

# I. Pelajar Didedah Program Akademik KUKUM

**Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM)** telah menerima kunjungan para pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Sheikh Ahmad (SMKDSDA), Arau, pada 26 Mei 2005 lalu bertempat di Dewan Kuliah 2, Pusat Kejuruteraan KUKUM, Kuala Perlis. Mereka terdiri daripada pelajar-pelajar Tingkatan Enam Rendah Sains dengan diiringi oleh dua orang guru pengiring.

Objektif lawatan sambil belajar tersebut menurut Puan Rosnah, guru pengiring, antara lain bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada para pelajarnya tentang universiti dan kursus-kursus yang ditawarkan, kursus kejuruteraan serta cabang disiplin kejuruteraan selain mendapatkan gambaran yang tepat

tentang prospek dan kerjaya jurutera itu sendiri. Semasa di sini, mereka telah diberikan taklimat serba ringkas mengenai latar belakang penubuhan universiti ini oleh Mustaffa Ismail, Pegawai Perhubungan KUKUM. Sesi kemudian diteruskan pula dengan taklimat akademik mengenai bidang-bidang pengkhususan kursus kejuruteraan di KUKUM oleh Mustafa Al-Bakri Abdullah, Pensyarah KUKUM.

Selepas sesi dialog, para pelajar tersebut telah dibawa melawat ke Bengkel Gunasama KUKUM di Pusat Kejuruteraan, Makmal *Printed Circuit Board* (PCB) dan Makmal Bilik Bersih (*Clean Room*).